

UMS lakar pelbagai kejayaan membanggakan

BH 25.06.2022 P.07

Kota Kinabalu: Di sebalik pelbagai kekangan berikutnya pandemik COVID-19 dan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang dua tahun lalu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) masih mampu melakar beberapa kejayaan membanggakan sepanjang tempoh berkenaan.

Antara pencapaian yang boleh dibanggakan ialah kejayaan menempatkan diri dalam senarai Top 151-160 dalam Kejuruteraan Petroleum dan Top 351-400 dalam Pertanian dan Perhutanan QS World University Ranking By Subject 2022.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin, berkata

terbaru UMS menerusi Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) turut memenangi Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (AiSAS) 2021 Kategori Inovasi Pendidikan Tinggi pada 14 Jun lalu.

Katanya, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan UMS berjaya memenangi tempat pertama kategori belia dan ketiga kategori terbuka Swiss Innovation Challenge ASEAN 2021/2022. Malah terdapat beberapa kejayaan lain yang turut menjadi kebanggaan UMS.

"Pengiktirafan terhadap keupayaan pensyarah UMS juga terserlah melalui beberapa pelantikan pensyarah UMS oleh agensi luar pada peringkat ke-

bangsaan serta sembilan pensyarah yang tersenarai dalam *world top 2% scientist* yang dikeluarkan oleh Stanford University, Amerika Syarikat.

"UMS juga turut menerima peruntukan sebanyak RM2 juta daripada Yayasan Sime Darby bagi pelaksanaan projek pemulihran biodiversiti hutan, peny厄apan karbon dan peningkatan perkhidmatan ekosistem di Teluk Sandakan," katanya.

Taufiq berkata, pelajar UMS juga berjaya melonjakkan nama universiti itu melalui beberapa pertandingan yang disertai seperti pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Mohd Eizlan Dahalan yang memenangi pingat gangsa lompat tinggi

pada Sukan SEA 2021 di Vietnam selain pingat emas dalam acara sama pada Kejohanan Olahraga Institut Pengajian Tinggi (IPT) (Sirkit 1) baru-baru ini.

Sementara itu, Taufiq berkata bagi meningkatkan pengantarabangsaan UMS, universiti itu menerima pakai satu siri langkah tindak balas untuk mengurangkan kesan pandemik COVID-19 terhadap mobiliti pelajar antarabangsa, selain merangka strategi pembangunan jangka panjang untuk menggalakkan mobiliti pelajar antarabangsa UMS.

Pada masa sama, katanya UMS turut memperkuuhkan agenda pengantarabangsaan melalui memorandum persefa-

haman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) sebagai usaha menjalin kerjasama strategik.

Katanya, setakat Jun, tiga MoU berjaya dimeterai dengan universiti di Turki iaitu Yildiz Technical Universiti (YTU), Marmara University (MU) dan Canciri Karatekin University.

Pada tahun lalu, lapan MoU dimeterai iaitu dengan Yayasan Pandita, Indonesia; Universiti Hiroshima dan Universiti Kyoto, Jepun; Universiti The Immaculate Conception, Filipina; Universitas Muhammadiyah Riau, Indonesia; Universiti Qiqihar dan Fujian Polytechnic of Information Technology China; serta Universiti Dhofar, Oman.